

Peranan persatuan penaja: Sanusi

KUALA LUMPUR, Jumaat — Persatuan Penaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan hari ini digesa memutuskan yang persatuan itu tidak dijadikan sebagai sebuah badan perniagaan sebaliknya hendaklah dijadikan sebuah institusi menaja kepentingan ahli.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid, yang membuat gesaan itu berkata persatuan itu sepatutnya menjadi sebuah badan yang boleh memberi khidmat nasihat dalam mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh ahlinya.

Beliau berkata demikian di majlis perjumpaan dengan ahli-ahli Jawatankuasa persatuan penaja berkenaan di Bilik Gerakan Kementerian di sini.

Tambah beliau, persatuan itu seharusnya menjadi sebuah badan perunding dengan pihak berkuasa yang mencari jalan untuk memajukan bidang perniagaan ahli.

Jika persatuan itu menjadi sebuah badan perniagaan, ia akan berasingan dengan ahlinya dan ini akan mengakibatkan ahli pendidibnya hilang minat untuk menaja kepentingan ahli, dan sebaliknya lebih cenderung mencari keuntungan.

Memorandum

Ini bukan sahaja bertentangan dengan prinsip pewujudan persatuan itu malah ia menuju ke arah perpecahan dan kemusnahan, kata Datuk Sanusi.

Perjumpaan tersebut bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli persatuan. Pengerusinya, Enik Jamil Hussein mengetuai rombongan itu.

Persatuan itu juga menyerahkan satu memorandum yang menggariskan masalah-masalah yang dihadapi serta rancangannya untuk menubuhkan sebuah Koperasi Persatuan Penaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan.

Datuk Sanusi menyokong penubuhan Koperasi tersebut dan berjanji memberi kelengkapan syarat bagi penubuhannya.

Beliau berpendapat dengan terdibuhnya koperasi itu, persatuan akan dapat menggalakkan ahli menjalankan perniagaan secara berkoperasi serta membuka jalan yang lebih luas ke arah aktiviti perniagaan.

Persatuan tersebut telahpun memohon sebidang tanah 3 hektar di Sungai Besi untuk projek kilang air batu dan projek kerusi kayu dan kilang kain renda dan pembalut luka.

Datuk Sanusi menjelaskan jika perniagaan mereka itu berjaya, urusan perniagaan yang dicadangkan itu hendaklah dijalankan oleh koperasi yang bjal ditubuhkan.

Terdahulu, satu rombongan lima orang dari (Tokyo Corporation) dan Jepun diketuai oleh Enik Kazuhiko Hashimoto mengunjungi Datuk Sanusi.

Datuk Sanusi berkata kunjungan tersebut adalah untuk mengetahui dan meninjau bidang yang boleh diecubi oleh perbadanan itu di negara ini.

Lawatan tersebut juga merupakan ekoran dari dasar "memandang ke timur" Jelaja beliau.

Perbadanan tersebut menjalankan berbagai-bagai bidang perniagaan termasuk perhotelan, pasarnya, keretapi, kapal terbang dan pembangunan tanah dan harta.

Perbadanan itu juga mempunyai dua buah universiti swasta di Jepun dan sebuah darinya ialah Asia University di Tokyo yang mempunyai raml penuntut dari negara-negara Asia Tenggara. — Bernama.

Ketua PSUK Kedah meninggal

ALOR STAR, Jumaat — Ketua Penolong Koperasi Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Haji Zainal Rashid bin Haji Ahmad, 55, meninggal dunia akibat diserang penyakit jantung ketika bermain golf di padang pada jam 2.30 petang semalam.

Alahyarhaman dikehadkan di Hospital Besar di sini setelah rebah di padang golf semasa bermain bersama Sultan Kedah dan orang-orang kenamaan negeri.

Bagaimanapun Datuk Haji Zainal Rashid meninggal dunia sebaik sahaja tiba di hospital.



■ YANG Dipertua Negeri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub mengemukakan laporan mengenai Negeri Sarawak, Darjah Kelana Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang (DP) kepada Sultan Tengganu di Istana, Kuching semalam. Duduk di sebelah kanan ialah Tengku Ampuan Besar, Baginda berdua sedang melakukan lawatan di Raja Sarawak. — Gambar Bernama.

Curi: Dua lelaki baru sebulan keluar jel ditahan

TAIPING, Jumaat — Dua lelaki yang dibebaskan dari penjara bulan lalu, ditahan oleh polis petang semalam kerana laporan kecurian scutas rantal emas di sebuah kedai di sini.

Lelaki-lelaki tersebut masing-masing berumur 26 dan 35 tahun, ditahan apabila mereka dapat dipintas oleh kereta peronda polis setelah mengujarnya hingga ke Kampung Jelutong, 17 km dari sini.

Timbalan Ketua Polis Daerah (Jenayah), PPT Abdul Shukur Abdul Karim, berkata kedua-dua lelaki itu sangat dikesan oleh polis Bukit Mertajam dan Kuala Kangsar berkaitan beberapa kejadian pecah rumah dan kecurian.

Beliau berkata, polis mengesjar mereka tersebut setelah menerima aduan dari seorang pengurus kedai emas, Thing Kiew, 40, seorang lelaki telah melarikan scutas rantal emas dari kedainya di Jalan Pasir pukul 2.40 petang.

Polis telah menjumpai semula rantal emas itu yang bernilai \$300 dan alat-alat pecah rumah dalam kereta tersebut yang juga dipercayai diecuri.

Salah seorang dari lelaki-lelaki itu berasal dari Kampung Jawa, Ipoh, manakala seorang lagi dari Batu Kurau, dekat sini. — Bernama.

Timbang: Tindakan terhadap 10 pekedai

TEMERLOH, Jumaat — Tindakan akan diambil terhadap 10 orang pekedai kerana tidak menggunakan alat timbang-sukat yang sah.

Ketua cawangan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di sini, Enik Ahmad Kaus bin Haji Abdul Mambrihan, berkata akan dikenakan tindakan di bawah Akta

Timbang-Sukat. Katanya, para pekedai itu telah dikesan dalam pemeriksaan alat timbang-sukat yang dilakukannya oleh para-baru-baru ini.

Menurut Enik Ahmad Kaus, pihaknya akan menjalankan pemeriksaan menguji ke semua kedai runcit di daerah ini bukan sahaja

bagi memeriksa alat-alat timbang yang digunakan juga harga barang-barang yang dijual.

Beliau memberitahu, salah seorang pekedai menggunakan dua alat timbang di kedai mereka kerana perbuatan seperti itu hanya boleh mengelirukan sahaja, ingkapan kerajaan tidak menggalakkan penaja berbuat demikian.